

1.5 Perkaitan antara Nisbah, Kadar dan Kadaran dengan Peratusan, Pecahan dan Perpuluhan



Hubungan Peratusan dan Nisbah

Uji Diri 11



Standard Pembelajaran

Menentukan hubungan antara peratusan dan nisbah.

1. Di dalam sebuah kelas, nisbah murid yang datang ke sekolah dengan menaiki bas kepada murid yang menunggang motosikal ialah 2 :3. Hitung peratusan murid yang datang ke sekolah dengan menaiki bas di dalam kelas itu.

Nisbah murid yang datang ke sekolah dengan menaiki bas kepada semua murid = _____

= —

= —

maka, peratusan murid yang datang ke sekolah dengan menaiki bas di dalam kelas itu = _____

2. Sebanyak 45% daripada sebuah bekas air telah diisi dengan air lemon. Hitung nisbah bahagian bekas air yang telah diisi dengan air lemon kepada bahagian yang belum diisi.

Jawapan =

1.5 Perkaitan antara Nisbah, Kadar dan Kadaran dengan Peratusan, Pecahan dan Perpuluhan



Penentuan Peratusan dengan Konsep Kadaran

Uji Diri **12**



Standard Pembelajaran

Menentukan peratusan suatu kuantiti dengan mengaplikasikan konsep kadaran.

1. Tentukan peratusan suatu kuantiti dengan mengaplikasikan konsep kadaran dalam setiap situasi berikut, dan pilih jawapan yang sesuai.
 - (a) Azlina mendapat 30 mata dalam suatu kuiz sejarah yang disertainya. Skor maksimum kuiz ialah 40. Hitung peratusan skor Azlina.
Jawapan : _____ %
 - (b) Sebuah syarikat mempunyai 45 orang pekerja lelaki dan 25 orang pekerja perempuan. Hitung peratusan pekerja lelaki.
Jawapan : _____ %
 - (c) 12 daripada 30 orang murid di sebuah kelas membawa kamus ke sekolah setiap hari. Berapakah peratusan murid yang tidak membawa kamus ke sekolah setiap hari?
Jawapan : _____ %
2. Harga asal sehelai baju ialah RM90.00. Diberi harga baju tersebut selepas diskaun ialah RM63.00. Berapakah peratusan diskaun tersebut?
Jawapan : _____ %

1.5 Perkaitan antara Nisbah, Kadar dan Kadaran dengan Peratusan, Pecahan dan Perpuluhan



Penentuan Peratusan dengan Konsep Kadaran

Uji Diri **13**



Standard Pembelajaran

Menentukan peratusan suatu kuantiti dengan mengaplikasikan konsep kadaran.

Pilih jawapan yang betul di ruangan jawapan yang disediakan

1. Di dalam sebuah kolam ikan, nisbah bilangan ikan Koi Kohaku kepada bilangan ikan Koi Sanke Taisho ialah 3: 7.

(a) Tulis pecahan ikan Koi Kohaku daripada jumlah ikan koi di dalam kolam itu. Seterusnya, ungkapkan pecahan ini dalam perpuluhan.

Jawapan:

Pecahan	$\frac{7}{3}$
	$\frac{3}{10}$
	$\frac{3}{7}$
	$\frac{7}{10}$
Perpuluhan	0.3
	0.43
	0.7
	2.3

(b) Apakah peratusan ikan Koi Sanke Taisho di dalam kolam ikan itu?

Jawapan :

70%	30%	37%	43%
-----	-----	-----	-----

2. Gaji bulanan Encik Lai ialah RM6 000. Dia memberi ibunya RM600 dan membelanjakan $\frac{3}{5}$ daripada gajinya untuk utiliti dan hiburan. Baki wangnya akan disimpan di dalam akaun bank.

Hitung:

(a) nisbah wang simpanan kepada gajinya setiap bulan.

3:10	2:5	3:8	5:8
------	-----	-----	-----

(b) peratus wang yang disimpan Encik Lai di dalam bank setiap bulan.

37.5%	60%	30%	62.5%
-------	-----	-----	-------

3. Wang simpanan Wahid ialah RM1 950. Dia menggunakan 10% daripada wang simpanannya untuk membayar zakat. Sebanyak 20% daripada baki simpanannya digunakan untuk membeli buku rujukan. Jika jumlah harga buku rujukan tersebut ialah RM230, adakah wang yang diperuntukkan mencukupi?

Jawapan :

Nilai zakat yang dibayar (10%) =

Baki simpanan selepas bayar zakat =

Peruntukan untuk membeli buku rujukan(20%) =

Adakah wang yang diperuntukkan mencukupi?